

UMS perluas program ke Brunei, Indonesia

Bil 01-03-2012 4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi anak syarikatnya UMS Link Holdings Sdn Bhd (UMS Link) menawarkan program pengajian Sarjana Komunikasi secara kerja kursus bagi memenuhi permintaan pelajar bidang berkenaan di negara ini, Brunei dan Indonesia.

Pengurus Sektor Pendidikan dan Latihan UMS Link, Rizal Malik, berkata penawaran program itu dilakukan menerusi pusat pembelajaran UMS Link di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kuching selain Bandar Seri Begawan dan Kalimantan Timur yang dijangka dibuka tidak lama lagi.

"Usaha ini sebahagian pendekatan meluaskan penawaran program pengajian UMS bagi meningkatkan perolehan syarikat dengan 60 peratus daripadanya akan dikembalikan kepada pihak universiti," katanya pada majlis penyerahan lima unit komputer untuk pembelajaran praktikal Sekolah Sains Sosial UMS, di sini, semalam.

Komputer Apple iMac 21.5 untuk kursus multimedia audio-visual pelajar program komunikasi itu diserahkan kepada Dekan Sekolah Sains Sosial UMS, Prof Madya Inon Shaharuddin Abdul Rahman.

Hadir sama Pengurus Kanan Perkhidmatan Korporat, Perundangan dan Governan UMS Link, Yusak Yumboris; Ketua Program Komunikasi Sekolah Sains Sosial, Dr



INON melihat peralatan untuk program Sarjana Komunikasi yang diterima Sekolah Sains Sosial di UMS, Kota Kinabalu, semalam.

Haryati Abdul Karim dan pensyarah program komunikasi Sekolah Sains Sosial UMS, Prof Datuk Dr Hamdan Adnan.

Terdahulu Inon berkata, Sekolah Sains Sosial UMS sebelum ini turut memperkenalkan penggunaan kelengkapan pengajian bidang komunikasi dengan menempatkan se-

buah konti radio dan studio televisyen.

"Studio ini digunakan untuk memproses hasil rakaman kajian lapangan, video komersial, persembahan dan bahan etnomuzikologi. Hasil proses audio visual boleh dihantar ke pusat penerbitan dalam dan luar negara untuk penyebaran

ilmu dan promosi," katanya.

Sebagai permulaan, katanya, Sekolah Sains Sosial UMS baru-baru ini mengadakan uji bakat di kalangan pelajar untuk bertugas sebagai penyampai radio sekolah yang disiarkan dari Isnin hingga Jumaat, bermula jam lapan pagi hingga enam petang.